

20 March 2020

To: All Shipping Agents

Dear Sirs/Madams,

JOHOR PORT BERHAD INCREASES PRECAUTIONARY MEASURES AGAINST COVID-19: VOL.2
This circular replaces the circular of the same dated 16 March 2020 and effective immediately

The World Health Organization (WHO) declared the outbreak of Coronavirus (COVID-19) in many countries including Malaysia to be a Public Health Emergency of International Concern (PHEIC). Johor Port Berhad (Johor Port) is working round-the-clock to ensure that its business runs as usual and ships can continue to berth at Johor Port to carry out operations.

However, in order to help prevent the widespread transmission of COVID-19, Johor Port will extend the precautionary measures which require **all Shipping Agents to adhere to the following:**

- a. Following the announcement made by the Most Honourable Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on the 16th March 2020 at 10.00 pm on the Movement Control Order due to the evolving COVID-19 situation in Malaysia, Shipping Agents to observe the following as instructed by Immigration Department of Malaysia:
 - i. Ship crew are not allowed to sign on and sign off during the Movement Control Order period which is from 18 March – 31 March 2020 except for Malaysian crew.
 - ii. To inform Port Security & Safety Department (PSSD) of Johor Port at least 2 hours in advance if there is any Malaysian ship crew intend to leave the ship. The PSSD of Johor Port will deploy a team to conduct body temperature check at the vessel gangway. Only healthy ship crew are allowed to leave the vessel. Unhealthy ship crew is required to remain on board the vessel and to do self-quarantine.
 - iii. To provide transportation for ship crew to submit the relevant documents in person to Immigration Department, which is located outside of the Port.
2. There are no restrictions for the berthing of vessels and operating on cargoes however it may take longer than usual for the loading/discharging operation due to the requirement for Health Department officials to board the vessel to check all ship crew.
3. Ensure no one on board has travelled to China, South Korea, Japan, Italy and Iran within 14 days before entering into Johor Port. COVID-19 Cluster Working Committee* meeting convened by the National Disaster Management Agency (NADMA) has imposed temporary restrictions to those coming from the said areas from entering into Malaysia. **COVID-19 Cluster Working Committee involves the Health Ministry, Home Affairs Ministry, Immigration Department, Foreign Affairs Ministry and related agencies*

4. Alert ship crew on the risk of COVID-19 and to protect themselves by ensuring:
 - a. Vessel is equipped with necessary protective supplies such as face masks and hand sanitizers.
 - b. Setting up watch by the gangway to take temperature of those who board the vessel and to take a record;
 - c. Wearing face masks when talking to persons other than seaman face to face.
 - d. Urge all ship crew on board to have their temperature taken twice a day.

5. Shipping agents to fully comply with COVID-19 Instruction for All Shipping Companies and Seafarers issued by Marine Department Malaysia (MMD) – MSN 02/2020

6. Shipping agents are required to declare in advance to PSSD of Johor Port and Port Health Department if any individual on board shows acute respiratory illness (fever and at least one sign/symptom of respiratory disease (e.g. cough, flu, sore throat, shortness of breath, continuous fever) during the 14 days prior to the onset of the symptoms, as stated in ANNEX I of Malaysian Shipping Notice (MSN 02/20).

Johor Port will extend all necessary assistance for your business. For any inquiries, please call Johor Port's Command Centre at 07-2511950 or Johor Port's PSSD Officer at 019-7293851

Thank you

The Management of Johor Port Berhad



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA MALAYSIAN SHIPPING NOTICE

MSN 02/ 2020

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7777

Fax: 03-3168 5289

E-mail: kpgr@marine.gov.my

Website: <http://www.marine.gov.my>

COVID-19: ARAHAN UNTUK SEMUA SYARIKAT PERKAPALAN DAN PELAUT *COVID-19: INSTRUCTIONS FOR ALL SHIPPING COMPANIES AND SEAFARERS*

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.

Notice to ship owners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry.

1. COVID-19 (Wabak Corona) boleh membawa kepada penyakit pernafasan dan radang paru-paru. Wabak yang telah melanda sekurang-kurangnya 122 buah negara dan membunuh lebih daripada 6,000 orang kini secara rasmi diisytiharkan sebagai sebuah pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020.

2. Arahan ini mestilah dilaksanakan oleh semua pengurus kapal, operator kapal, pemilik kapal (selepas ini kesemuanya ditulis sebagai 'Syarikat'), pelaut di atas kapal bendera Malaysia, serta kapal asing di dalam perairan Malaysia.

3. WHO telah mengisytiharkan wabak Kecemasan Kesihatan Awam Darat Antarabangsa di bawah Peraturan Kesihatan Antarabangsa WHO (IHR).

4. Persatuan Perkapalan Antarabangsa (ICS) dan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) telah mengedarkan garis panduan dalam perkara ini.

5. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020.

1. COVID-19 (Corona Virus) can lead to fatal respiratory disease and pneumonia. The viral disease that has swept into at least 122 countries and killed more than 6,000 people is now officially a pandemic as per World Health Organization (WHO) declaration on 11 March 2020.

2. This instruction should be implemented by all ship managers, ship operators, ship owners (later all will be spelled out as 'Company'), seafarers on-board Malaysia flagged vessels and foreign ships in Malaysia water.

3. The WHO has declared the outbreak a Public Health Emergency of International Concern under the WHO International Health Regulations (IHR).

4. The International Chamber of Shipping (ICS) and the International Maritime Organization (IMO) have circulated guidelines on this matter.

5. Malaysia Government has declared Movement Restriction Order starting 18 March 2020 until 31 March 2020.

6. Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyeru komuniti perkapalan agar langkah berjaga-jaga harus diambil seperti mana garis panduan **ANNEX I**.

7. Semua Syarikat dan Nakhoda kapal bendera Malaysia, serta Syarikat dan Nakhoda kapal bendera asing yang memasuki mana-mana pelabuhan Malaysia, hendaklah mematuhi arahan-arahan melalui Pekeliling Pelabuhan, Agensi Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Agensi Kerajaan Negeri pada setiap masa.

8. Rujuk **ANNEX II** bagi arahan yang lebih lanjut berkaitan urusan pelaut, dan **ANNEX III** untuk urusan perkapalan dan pelabuhan.

9. Butiran yang boleh dirujuk untuk dijadikan panduan yang lebih meluas adalah seperti di **ANNEX IV**.

10. MSN ini terpakai sehingga 31 Mac 2020.

**KETUA PENGARAH LAUT
18 MAC 2020**

*6. Marine Department Malaysia (JLM) urges the shipping community that proper precautionary actions should be taken as stated in **ANNEX I** guidelines.*

7. All Companies and Master of Malaysia flagged vessels, together with all Companies and Master of any foreign flagged vessels entering at any Malaysia ports, shall comply Port Circulars, Malaysia Federal Government Agencies and State Government Agencies instructions at all time.

*8. Refer **ANNEX II** for further instructions in regards to crewing matters, and **ANNEX III** for shipping & port matters.*

*9. Details that should be referred for more extensive guidelines are stipulated in **ANNEX IV**.*

10. This MSN is applicable until 31 March 2020.

**DIRECTOR GENERAL OF MARINE
18 MARCH 2020**

ANNEX I

COVID-19: GARIS PANDUAN LANGKAH BERJAGA-JAGA
COVID-19: PRECAUTIONARY ACTIONS GUIDANCE

- | | |
|--|--|
| <p>1. Semua nakhoda kapal bendera Malaysia haruslah bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan, mengikut kesesuaian, untuk memastikan bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelaut boleh dibenarkan melakukan pertukaran anak kapal; b) Penumpang boleh mendarat dan menaiki kapal; c) Cuti pelabuhan (<i>shore leave</i>) boleh diteruskan jika selamat berbuat demikian; d) Operasi kargo boleh dilakukan; e) Kapal boleh memasuki dan meninggalkan limbungan untuk pembaikan dan pemeriksaan; f) Makanan dan sebarang bekalan boleh dimuatkan; dan g) Sijil dan dokumentasi khas yang perlu dikeluarkan. <p>2. Nakhoda dan Syarikat haruslah memastikan bahawa pelaut bergejala COVID-19 yang berada di atas kapal Malaysia di mana-mana kawasan perairan yang memerlukan pemeriksaan kesihatan kecemasan dan pemeriksaan lanjut berkenaan COVID-19 diberi akses ke kemudahan perubatan terdekat di darat tertakluk atas keperluan pelabuhan/negara pelabuhan.</p> <p>3. Semua aspek kebersihan tangan dan penjagaan pernafasan hendaklah diamalkan secara meluas di atas kapal. Bekalan/ peralatan yang paling asas yang seharusnya sentiasa mencukupi di atas kapal adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Peralatan Perlindungan Diri (PPE); b) Topeng muka; c) Sarung tangan getah; d) Termometer digital; e) Cecair pembasmi kuman; f) Cucian tangan beralkohol; | <p>1. <i>Master of Malaysia flagged vessels should co-operate with port State authorities to ensure, where appropriate, that:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Able to sign-on & sign-off of the crew;</i> b) <i>Embarkation & disembarkation of passengers;</i> c) <i>Shore leave can continue if safe;</i> d) <i>Cargo operations can continue;</i> e) <i>Ships can enter and depart shipyards for repair and survey;</i> f) <i>Stores and supplies can be loaded; and</i> g) <i>Necessary certificates and documentation can be issued.</i> <p>2. <i>Master and the Company must ensure that any COVID-19 symptom's seafarers on board Malaysia flagged vessels in any territorial waters who need immediate medical emergency treatment and further inspection of COVID-19 should be given access to medical facilities on the nearest shore subject to the requirement of the port/port state.</i></p> <p>3. <i>All hands and respiratory cleanliness aspect should be practiced extensively on board. The utmost basic supplies/equipment which should be adequately available on board are as follows:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Personal Protective Equipment (PPE);</i> b) <i>Face masks;</i> c) <i>Latex gloves;</i> d) <i>Digital thermometer;</i> e) <i>Hand sanitizer & disinfectants;</i> f) <i>Rubbing alcohol;</i> |
|--|--|

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> g) Ubat batuk/selsema; h) Sabun pembersih tangan; i) Antibiotik. | <ul style="list-style-type: none"> g) <i>Cough/cold medicine;</i> h) <i>Hand soap;</i> i) <i>Antibiotics.</i> |
|--|--|
-
- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 4. Penumpang dan pelaut haruslah menerima maklumat lengkap mengikut nasihat WHO untuk pelayaran trafik tempatan mahupun antarabangsa berhubung wabak COVID-19. 5. Syarikat dan nakhoda haruslah memastikan Pertimbangan Operasi WHO untuk Mengurus Wabak COVID-19 Pada Kapal-kapal (panduan interim 24 Februari 2020) dan Buku Panduan WHO untuk Pengurusan Peristiwa Kesihatan Awam di Kapal boleh didapati di atas kapal. Kedua-dua dokumen perlu dibaca seiring satu sama lain dan dilaksanakan dengan sewajarnya. 6. Syarikat dan Nakhoda harus melaksanakan langkah pencegahan optimum dan melakukan pemeriksaan saringan awal. 7. Syarikat harus memberi bimbingan kepada anak kapal mengenali tanda-tanda dan gejala COVID-19, bersama amalan pencegahan yang terbaik. Mereka juga harus menyediakan latihan langkah penjagaan kebersihan kepada anak kapal. 8. Mana-mana individu di atas kapal yang mengalami penyakit pernafasan akut (demam dan sekurang-kurangnya satu tanda / gejala penyakit pernafasan (contohnya batuk, selsema, sakit tekak, sesak nafas, demam berterusan) selama 14 hari sebermula gejala-gejala tersebut harus dilaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan di pelabuhan seterusnya, Pejabat Kesihatan Daerah terhampir dan Jabatan Laut Malaysia. Mereka haruslah dikuarantin/ diasingkan sepenuhnya di atas kapal sekurang-kurangnya sehingga 14 hari. 9. Sebarang sentuhan dan jarak yang rapat antara setiap individu yang berada di atas kapal haruslah dielakkan sama sekali. Nakhoda harus | <ul style="list-style-type: none"> 4. <i>Passengers and seafarers should receive information in accordance with the WHO advice for domestic and international traffic regarding the outbreak of COVID-19.</i> 5. <i>Master and the Company must ensure the WHO Operational Considerations for Managing COVID-19 Outbreak On Board Ships (interim guidance 24 February 2020) and WHO Handbook for Management of Public Health Events on Board Ships are readily available on board. Both documents should be read alongside one another and implemented accordingly.</i> 6. <i>The Company and Master should implement optimum preventative measures and pre-boarding screening.</i> 7. <i>The Company should provide guidance to crew on how to recognise the signs and symptoms of COVID-19, together with the best practices. They should also provide trainings of hygienic measures to their crew on board.</i> 8. <i>Any individual on board with acute respiratory illness (fever and at least one sign/symptom of respiratory disease (e.g. cough, flu, sore throat, shortness of breath, continuous fever) during the 14 days prior to the onset of the symptoms should be reported to the next port of call related authorities, nearest District Health Office and Marine Department Malaysia. They should be quarantined / isolated on board at least for 14 days.</i> 9. <i>Any close contact should be avoided as much as possible between each individual on board. Master should ensure strict separation/isolation from those having the COVID-19 symptom,</i> |
|--|--|

- memastikan pemisahan/ pengasingan yang ketat untuk mereka yang mempunyai gejala COVID-19, penyakit pernafasan akut atau suspek.
10. Produk daging, tenusu atau haiwan haruslah diuruskan dengan berhati-hati, untuk mengelakkan pencemaran silang dengan makanan yang mentah, sejajar dengan amalan penyediaan makanan yang baik.
 11. Pasukan/pegawai perubatan di atas kapal perlu menggunakan PPE semasa mengendalikan kes COVID-19; termasuk semasa memberikan bantuan oksigen, antibiotik, dan ubat-ubatan yang berkaitan kepada suspek.
 12. Suspek/pesakit harus memakai topeng muka dan dikuarantin di bilik/kabin yang tertutup. Individu yang masuk ke bilik/kabin kuarantin (termasuk pasukan perubatan) perlu melaksanakan langkah pencegahan yang bersesuaian termasuk memakai topeng muka, mencuci tangan guna sabun dan air suam.
 13. Setiap kapal yang baru tiba ke sesebuah pelabuhan harus patuh kepada arahan pihak berkuasa pelabuhan tersebut sekiranya dikehendaki untuk menjalani ujian saringan dan pemeriksaan. Keputusan ujian saringan dan pemeriksaan perlu dipanjangkan ke mana-mana Pejabat Laut Jabatan Laut Malaysia dalam tempoh masa 24 jam selepas keputusan diterima.
 14. Nakhoda haruslah menemu ramah suspek/pesakit bagi memastikan mereka mengisytihar maklumat seperti lokasi yang telah dilawati sepanjang 14 hari sebelum gejala-gejala yang dialami, dan lain-lain maklumat yang perlu. Setiap kes perlu direkodkan ke dalam buku log perubatan.
 15. Nakhoda perlu mengambil langkah berjaga-jaga jika dibenarkan menurunkan suspek/pesakit seperti mengawal proses pelepasan untuk mengelakkan persentuhan dengan *acute respiratory illness or case suspects.*
 10. *Meat, milk or animal products should always be handled with care, to avoid cross-contamination with uncooked foods, consistent with good food-handling practices.*
 11. *The team/medical personnel on board should use PPE when handling COVID-19 cases; include supportive treatment by providing oxygen, antibiotics, and other related drugs to the suspects.*
 12. *Case suspects/patients should wear face mask and quarantine in closed room/cabin. Anyone who enter the quarantine room/cabin (including the medical team) should take appropriate precautions including wearing face mask, washing their hands with soap and warm water.*
 13. *Any required tests or inspection instructions by the related government authorities at each port must be made compulsorily. The result should be submitted to any Marine Department Malaysia Port Offices within 24 hours after test-result is received.*
 14. *Master should conduct interview with the case suspects/patients to ensure they disclose their information such as last places they have visited within the last 14 days prior to the onset of symptoms, and other necessaries information. Each case needs to be recorded in the medical log book.*
 15. *Master should take precautionary measures when disembarkation is granted of case suspects/patients by controlling the disembarkation to avoid any contact with other persons on board, the patient should wear face*

anak-anak kapal lain selain memastikan suspek memakai topeng muka dan kumpulan pengiring memakai PPE. Kapal hendaklah disinfeksi dan dibersihkan semula kawasan yang terjejas.

mask, and personnel escorting the patient should wear suitable PPE. Upon completion of the evacuation process, the ship's affected area shall be disinfected and re-cleaned.

16. Nakhoda haruslah memastikan semua kawasan kapal dibersihkan dan didisinfeksi menggunakan air panas, sabun atau menggunakan agen pembersih seperti *sodium hypochlorite* untuk menjadikan tahap kebersihan kapal sentiasa berada dalam keadaan optimum.
 17. Syarikat haruslah menyalurkan maklumat tentang laporan situasi COVID-19 daripada pihak WHO dan Kementerian Kesihatan Malaysia kepada kapal secara kerap dan berkala.
 18. Perjanjian Pengambilan Pelaut yang sah (SEA) harus berkuatkuasa sehingga penghantaran balik pelaut. Jika mana-mana SEA telah tamat tempoh, ia harus dilanjutkan, atau dikeluarkan yang baharu. Syarikat harus memastikan para pelaut dihantar pulang dengan selamat pada peluang yang tersedia seawalnya, tertakluk atas arahan yang sedang berkuatkuasa.
 19. SEA boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum 13 bulan seperti mana saranan *International Transport Workers' Federation (ITF)*, tertakluk pada persetujuan pelaut dalam aspek tahap keletihan/kesihatan, dan tahap kesejahteraan mental pelaut.
 20. Syarikat harus mengesahkan bahawa insurans atau perlindungan kewangan lain disediakan untuk kos tambahan sementara bagi pemeriksaan lanjut, kuarantin, penghantaran balik (contoh: pengasingan), penjagaan perubatan, dan apa-apa kos termasuklah perbelanjaan pemindahan kapal untuk suspek/pesakit, kerana Syarikat tetap memegang tanggungjawab penuh untuk kesemua kos yang terlibat.
16. *Master should ensure that all areas of the ship should be cleaned and disinfected using hot water, soap or using a cleaning agent such as sodium hypochlorite to ensure that the vessel's level of hygiene is always in optimum condition.*
 17. *The Company should always supply information of COVID-19 situation reports by WHO and Malaysia Ministry of Health to their ships, constantly and regularly.*
 18. *A valid Seafarers Employment Agreement (SEA) should remain in force until repatriation. If any of the SEAs have expired, they should be extended, or new ones issued. The Company need to ensure that the seafarers are repatriated safely at the first available opportunity, subject to the current instruction which applicable.*
 19. *SEA can be extended up to maximum 13 months as recommended by the International Transport Workers' Federation (ITF), subject to the seafarer's consent in regards to fatigue/health level and mental well-being, of the seafarer.*
 20. *The Company should confirm that insurance or other financial security is in place for additional costs pending repatriation (e.g. isolation), medical care, and any costs and expenses of crew transfer for case suspects/patients, as the Company remain liable for all those related costs.*

21. Sekiranya terdapat pelaut Malaysia yang dibenarkan turun di mana-mana pelabuhan di Malaysia atau tiba di negara melalui mana-mana pintu masuk negara, haruslah menjalankan kuarantin secara sukarela selama 14 hari tanpa prejudis dan mengawal-hadkan pergerakan.

21. If seafarers are granted to arrive at any ports in Malaysia or through any entrance to the country, should undertake a self-quarantine for 14 days and restrict movement.

ANNEX II

COVID-19: MARINE DEPARTMENT MALAYSIA FURTHER INSTRUCTIONS
COVID-19: ARAHAN LANJUT JABATAN LAUT MALAYSIA

- | | |
|---|---|
| <p>1. Semua pelaut tanpa mengira kewarnegaraan adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membuat pertukaran anak kapal (<i>sign-on/off</i>) di mana pelabuhan di Malaysia, KECUALI:</p> <p>a) Pelaut di atas kapal tersebut memerlukan pemindahan perubatan;</p> <p align="center"><i>atau</i></p> <p>b) Pelaut di atas kapal telah memiliki gejala ketara COVID-19;</p> <p align="center"><i>dan</i></p> <p>c) Mendapat pengesahan oleh JLM tentang pelabuhan yang dibenarkan.</p> | <p>1. <i>All seafarers regardless of nationality are PROHIBITED from carrying out any crew change activities (sign-on/off) in any Malaysia port, EXCEPT:</i></p> <p><i>a) The seafarer on board needs medical evacuation;</i></p> <p align="center"><i>or</i></p> <p><i>b) The seafarer on board have developed explicit COVID-19 symptoms;</i></p> <p align="center"><i>and</i></p> <p><i>c) Approved sign-off port only upon confirmation from JLM.</i></p> |
| <p>2. Untuk pemindahan perubatan, pemilik kapal, Nakhoda, atau ejen, hendaklah menghubungi Pusat Komunikasi Maritim (PUSKOM) melalui talian + 603-3169-5233/5201 untuk mengaturkan pelabuhan pemindahan yang sesuai.</p> | <p>2. <i>For medical evacuation, shipowner, Master, or agent, shall contact Maritime Communication Centre (PUSKOM) at +603-3169-5233/5201. to arrange for a suitable evacuation port.</i></p> |
| <p>3. Aktiviti pertukaran anak kapal disebabkan oleh keadaan di perenggan (1), HANYA DIBENARKAN sekiranya:</p> <p>a) Kapal yang terlibat, beroperasi tidak mengikut keperluan dokumen keanggotaan selamat;</p> <p align="center"><i>dan</i></p> <p>b) Hanya pelaut Malaysia sahaja dibenarkan untuk <i>sign-on</i>.</p> | <p>3. <i>For any crew-change activities due to the circumstances stated in paragraph (1), the replacement crew is ONLY ALLOWED if:</i></p> <p><i>a) The affected vessel is operating not in compliance with the Safe Manning Document requirement;</i></p> <p align="center"><i>and</i></p> <p><i>b) only Malaysian crew is allowed to sign-on.</i></p> |
| <p>4. Perjanjian Pengambilan Pelaut (SEA) yang melebihi had semasa situasi ini, boleh dimohon untuk perlanjutan tambahan satu (1) bulan.</p> | <p>4. <i>Seafarer Employment Agreement (SEA) which expires during this period may apply for an extension of additional one (1) month.</i></p> |

5. Annex ini dikemaskini pada 19 Mac 2020, dan hendaklah dibaca bersama MSN 02/2020.

5. *This Annex is updated on 19 March 2020, and shall be read alongside MSN 02/2020.*

ANNEX III

**COVID-19: MARINE DEPARTMENT MALAYSIA FURTHER INSTRUCTIONS
(SHIPPING AND PORT MATTERS)**

*COVID-19: ARAHAN LANJUT JABATAN LAUT MALAYSIA
(HAL-HAL PERKAPALAN DAN PELABUHAN)*

- | | |
|---|--|
| <p>1. Semua kapal, kumpit, dan kapal barter trade adalah DIBENARKAN untuk memasuki mana-mana pelabuhan di Malaysia untuk memuat dan discaj kargo.</p> | <p>1. <i>All ships, kumpit, and barter trade vessels are PERMITTED to enter any port in Malaysia for loading and discharging of cargo.</i></p> |
| <p>2. Semua kapal persiaran TIDAK DIBENARKAN memasuki mana-mana pelabuhan di Malaysia, kecuali untuk <i>provision</i> dan bantuan kemanusiaan.</p> | <p>2. <i>All cruise ships are PROHIBITED from entering any port in Malaysia, except for provision and humanitarian assistance.</i></p> |
| <p>3. Semua kapal yang berlepas atau pernah transit dalam tempoh 14 hari dari negara-negara yang diisytiharkan berisiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan diberikan status kuarantin dan perlu mengibarkan Bendera Kuning (Quebec), sehingga mendapat pelepasan Pegawai Kesihatan Pelabuhan. Pematuhan ini juga terpakai kepada mana-mana kapal yang anak kapalnya mempunyai gejala ketara COVID-19.</p> | <p>3. <i>Any ships that have departed or transitted within the past 14 days from any countries that have been declared at risk by Minister of Health Malaysia (MOH), shall be put in quarantine status upon arrival at Malaysian port and have to fly the Yellow Flag (Quebec) until cleared by the Port Health Officers. This order is also applicable to any ships where its crew member has explicit COVID-19 symptoms.</i></p> |
| <p>4. Tertakluk kepada kelulusan Pegawai Kesihatan Pelabuhan, Nakhoda bertanggungjawab memastikan anak kapalnya tidak terlibat dalam sebarang aktiviti di dermaga, dan dilarang meninggalkan kapal.</p> | <p>4. <i>Subject to the Port Health Officer's approval, Master is responsible to ensure her crew is not involved in any activities at wharf, and are prohibited to leave the ship.</i></p> |

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

bplp@marine.gov.my

Pengarah

Bahagian Pelabuhan, Logistik dan Perdagangan,
Jabatan Laut Malaysia.

Any inquiries should be directed to:

bplp@marine.gov.my

Director

*Port, Logistic and Trade Division,
Marine Department Malaysia.*

ANNEX IV

GARIS PANDUAN EKSTENSIF *EXTENSIVE GUIDELINES*

1. Guidelines, Instructions and Recent Information of COVID-19 in Malaysia – by Ministry of Health.
<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>
2. Operational Considerations for Managing COVID-19 Cases and Outbreaks On Board Ships (Interim Guidance) – by World Health Organizations.
<https://apps.who.int/iris/rest/bitstreams/1270159/retrieve>
3. COVID-19: Guidance for Ship Operators for the Protection of the Health of Seafarers – by International Chamber of Shipping.
[https://www.ics-shipping.org/docs/default-source/resources/coronavirus-\(covid-19\)-guidance-for-ship-operators-for-the-protection-of-the-health-of-seafarers.pdf?sfvrsn=6](https://www.ics-shipping.org/docs/default-source/resources/coronavirus-(covid-19)-guidance-for-ship-operators-for-the-protection-of-the-health-of-seafarers.pdf?sfvrsn=6)
4. COVID-19 Brief Information – by International Maritime Health Association.
<https://www.imha.net/sites/default/files/2020-01/20200126%20CORONA%20advice%20shipping%20comp.pdf>
5. Circular Letter No. 4203/Add.1 – by International Maritime Organization.
<http://www.imo.org/en/MediaCentre/HotTopics/Documents/4203%20add%201.pdf>
6. Circular Letter No. 4204/Add.1 – by International Maritime Organization.
<http://www.imo.org/en/MediaCentre/HotTopics/Documents/CL.4204-Add.1%20English.pdf>
7. Latest Update and Tracking of COVID-19 Global Situations - by World Health Organizations.
<https://experience.arcgis.com/experience/685d0ace521648f8a5beeeee1b9125cd>
8. COVID-19 Situation Reports – by World Health Organizations.
<https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/situation-reports>



KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF IMMIGRATION, MALAYSIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(IMMIGRATION DEPARTMENT MALAYSIA)
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
15, 7TH FLOOR (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
PERSIARAN PERDANA, PRECINT 2,
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
FEDERAL TERRITORY, MALAYSIA



Telefon : 603-8880 1005
Faks : 603-8880 1201
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

“KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Ruj: IM.101/HQ-H/969/9 Jld.4 (45)

Tarikh: 17 Mac 2020

22 Rejab 1441H

Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat

Semua Pengarah Imigresen Negeri

Pengarah Imigresen KLIA

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri Malaysia telah memutuskan supaya Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara akan dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.
3. Perintah kawalan pergerakan ini akan melibatkan sekatan menyeluruh semua perjalanan warganegara dan penduduk tetap Malaysia ke luar negara dan sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara. Sehubungan itu, semua Pengarah Imigresen Negeri perlu mengambil perhatian seperti berikut:



IMMIGRATION KLIA
WORLD'S BEST
IMMIGRATION SERVICE
2010, 2011, 2013



**ANUGERAH AGENSI SEKTOR
AWAM TERBAIK MIM 2013**

SULIT

- 3.1 Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang pulang dari luar negara, mereka dibenarkan masuk dan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari.
- 3.2 Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang memegang Pas Jangka Panjang Negara Ketiga dan ingin pulang ke negara tersebut, mereka dibenarkan keluar dengan syarat mereka tidak pulang ke Malaysia sebelum 31 Mac 2020 dengan disertakan dokumen atau bukti yang kukuh sebagai rujukan di kaunter pemeriksaan.
- 3.3 Diplomat Malaysia dibenarkan ke luar negara untuk kembali bertugas di perwakilan masing-masing.
- 3.4 Pelawat asing dibenarkan keluar dari Malaysia dan tidak dibenarkan kembali semula sepanjang tempoh sekatan ini berkuat kuasa.
- 3.5 Semua pemegang pas seperti Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Pelajar, Pas Ekspatriat, Pas Tanggungan dan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H) tidak dibenarkan masuk. Sekiranya pas tamat tempoh semasa pemegang pas berada di luar negara, mereka dibenarkan kembali semula ke negara ini selepas tempoh perintah kawalan pergerakan ini berakhir.
- 3.6 Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang bertujuan keluar negara atas tujuan melancong adalah tidak dibenarkan keluar.

- 3.7 Semua penduduk Malaysia dari Semenanjung tidak dibenarkan untuk menaiki penerbangan ke Sabah dan Sarawak. Begitu juga sebaliknya penduduk di Sabah dan Sarawak. Bagi mereka yang telah berada di Sabah dan Sarawak sebelum arahan ini dikeluarkan boleh dibenarkan kembali ke Semenanjung dan begitu juga sebaliknya.
 - 3.8 Suami / Isteri dan anak kepada Warganegara Malaysia dibenarkan masuk dengan syarat mempunyai Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Suami / Isteri).
 - 3.9 Diplomat asing yang bertugas di perwakilan dalam negara dibenarkan masuk dan menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari. Sekiranya pasangan atau keluarga diplomat ingin masuk bersama ke Malaysia, mereka perlu mempunyai Pas Tanggungan.
4. Sebagai panduan, kawalan yang perlu dilaksanakan di pintu-pintu masuk negara adalah seperti berikut:

4.1 Kawalan Pergerakan di Pintu Masuk Udara

- 4.1.1 Krew dan kapten penerbangan termasuk kargo dibenarkan masuk dan tertakluk kepada saringan kesihatan.
- 4.1.2 Penerbangan transit untuk ke negara ketiga tanpa melalui pemeriksaan imigresen adalah dibenarkan.

- 4.1.3 Semua Autogate Warganegara (Malaysia), E-Gate Warga Asing dan E-Gate MACS di Balai Pelepasan perlu ditutup sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

4.2 Kawalan Pergerakan di Pintu Masuk Darat

- 4.2.1 Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit kerja di Negara Singapura dan Thailand tidak dibenarkan keluar dari Malaysia.
- 4.2.2 Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang hanya transit di sempadan Malaysia – Brunei dibenarkan masuk dan keluar mengikut arahan Pihak Berkuasa Negeri yang sedang berkuat kuasa.
- 4.2.3 Warganegara dan penduduk tetap Malaysia tidak dibenarkan mengunjungi Kompleks Bebas Cukai di Bukit Kayu Hitam, Kedah.
- 4.2.4 Warganegara dan penduduk tetap Malaysia atau warganegara asing yang memandu kenderaan berat untuk tujuan membawa bekalan makanan sahaja adalah dibenarkan keluar dan masuk serta dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan.
- 4.2.5 Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang menggunakan perkhidmatan kereta api di Padang Besar, Woodland Train Check Point (WTCP) dan Johor

Bahru Sentral hanya dibenarkan untuk masuk ke Malaysia sahaja.

4.3 Kawalan Pergerakan di Pintu Masuk Laut

- 4.3.1 Semua kapal persiaran tidak dibenarkan berlabuh di semua pelabuhan di Malaysia.
- 4.3.2 Semua kapal persiaran dan kapal layar tidak dibenarkan untuk berlabuh dan mendapat kemudahan imigresen.
- 4.3.3 Feri penumpang tidak dibenarkan untuk membawa pelawat asing masuk ke Malaysia.
- 4.3.4 Kokpit, *Barter Trade* dan Kapal Kargo yang membawa bekalan makanan sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia.
- 4.3.5 Anak Kapal tidak dibenarkan *sign on* dan *sign off* sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini berkuat kuasa.
- 4.3.6 Anak Kapal Kargo boleh diberi *landing pass* tetapi tidak dibenarkan keluar daripada kawasan pelabuhan.

5. Arahan terkini ini **berkuat kuasa pada 18 hingga 31 Mac 2020** dan sebarang perubahan berkaitan arahan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Semua pertanyaan dan kemusykilan berkenaan perkara ini boleh merujuk kepada **Bahagian Keselamatan dan Pasport**.

SULIT

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INTEGRITI PROFESIONAL MESRA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)
Ketua Pengarah Imigresen
MALAYSIA

s.k:

- i) Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,
62546 PUTRAJAYA
- ii) YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)
- iii) YBrs. Tuan Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Operasi)
- iv) YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Pengurusan)
- v) Semua Atase Imigresen
- vi) Semua Pintu Masuk

SULIT